

09 JUL 2002

Abdullah-BN

BN PILIHAN MAJORITI RAKYAT, KATA ABDULLAH

ALOR SETAR, 9 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional menjadi pilihan majoriti rakyat kerana ia mewakili semua kaum dan agama di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata gabungan mantap BN tanpa mengira kaum dan agama dan mahu berjuang untuk membela nasib rakyat menjadi kunci utama kekuatan parti itu.

Katanya, Barisan Alternatif cuba meniru pakatan BN tetapi ternyata mereka gagal mencapai kesepakatan dalam banyak perkara.

Ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Anak Bukit di sini malam ini, beliau berkata jika dibandingkan BN dengan parti pembangkang, perjuangan parti itu (BN) luhur untuk rakyat semua kaum dan bukan untuk satu kumpulan sahaja.

"Parti pembangkang cakap dua macam bila depan orang Islam dan di depan orang bukan Islam cakap lain," katanya.

Beliau berkata soal kerjasama tidak menjadi masalah di kalangan komponen BN dan percaya kerjasama itu akan dapat mewujudkan satu pasukan BN yang mantap terutama dalam menghadapi pilihan raya kecil kali ini.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, Barisan Alternatif berpecah berikutan pengumuman PAS untuk mendirikan sebuah kerajaan Islam di negara ini.

Katanya, cadangan itu tidak boleh diterima oleh DAP, sebuah parti sekutu pakatan itu dan kemudiannya menarik diri daripada meneruskan perjuangan mereka sebagai sebuah pakatan pembangkang.

Bagaimanapun, katanya, keadaan ini tidak berlaku kepada parti-parti komponen BN apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, mengumumkan bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan Parti Gerakan, tahun lalu.

"PAS menjangkakan bahawa isu ini akan menjadikan parti komponen bertelagah sesama sendiri dan berkecamuk seperti mana yang berlaku pada gabungan mereka. Tetapi ini semua tidak berlaku," katanya.

Sebaliknya, BN menjadi lebih mantap apabila Parti Bersatu Sabah (PBS), yang dianggotai oleh masyarakat beragama Kristian, menyertai parti itu (BN) dan ini mencerminkan bahawa BN berjaya meletakkan semua kaum dan agama di bawah naungannya.

-- BERNAMA

ZU AT ZB